

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
30 MAC 2017**

---

**1. MAJLIS CABUTAN PEMENANG PROMOSI CUKAI PINTU 2017**

Sukacita dimaklumkan bahawa MPSP telah berjaya memungut cukai taksiran sebanyak **RM77.13 juta** sepanjang tempoh Promosi Cukai Pintu 2017 yang telah bermula pada 1 Disember 2016 sehingga 28 Februari 2017. Jumlah ini telah melebihi daripada sasaran yang telah ditetapkan oleh Jabatan iaitu sebanyak RM65 juta.

Daripada jumlah kutipan tersebut, sebanyak **36,085** akaun telah layak untuk menyertai cabutan bertuah bagi promosi kali ini.

Majlis Cabutan Pemenang Promosi Cukai Pintu 2017 akan diadakan sejurus selepas selesai Mesyuarat Majlis Penuh pada hari ini. Daripada jumlah **36,085** akaun yang layak, 10 pemenang bagi kategori bayaran secara “*online*” dan **50** pemenang bagi kategori biasa akan ditentukan.

Para pemenang berkenaan akan dihubungi oleh Jabatan Perbendaharaan MPSP bagi urusan pengesahan serta akan dijemput untuk hadir ke Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah akan diadakan pada bulan April 2017 bagi menentukan kedudukan hadiah yang bakal dimenangi.

Warga Seberang Perai boleh menyemak senarai pemenang cabutan bertuah Promosi Cukai Pintu 2017 di laman web mpsp iaitu [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) mulai 31 Mac 2017.

## **2. SESI “TOWN HALL” DIALOG BAJET MPSP 2018**

Sukacitanya di sini saya ingin memaklumkan bahawa Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2018 akan diadakan pada 22 April 2017 (Sabtu) jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang bertempat di Hotel Iconic, Icon City, Bukit Mertajam. Sesi ini bertujuan untuk melibatkan wakil komuniti serta penduduk Seberang Perai dalam merangka bajet tahun 2018 dengan memberi input, pandangan dan cadangan bagi menambahbaik perkhidmatan MPSP. Oleh itu,

saya ingin menjemput individu-individu, wakil-wakil komuniti, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Agensi Kerajaan dan Swasta untuk turut serta dalam Sesi “*Town Hall*” Dialog Bajet MPSP 2018.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn. Norshazila Binti Alias atau Pn. Rahida Binti Abdul Rahim di talian 04-5497 460/841 atau email [norshazila@mpsp.gov.my](mailto:norshazila@mpsp.gov.my) / [rahida@mpsp.gov.my](mailto:rahida@mpsp.gov.my).

### **3. MESYUARAT AGUNG PERSATUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA (MALA)**

Sukacita dimaklumkan, pada 23 Mac 2017, Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan MALA Kali ke 16 Tahun 2017, di Kota Baharu, Kelantan. Mesyuarat agung pada kali ini adalah merupakan mesyuarat untuk membuat pemilihan Ahli Jawatankuasa Eksekutif yang baru bagi sesi 2017 hingga 2019. Dalam pemilihan tersebut, YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif telah memenangi jawatan Presiden MALA tanpa bertanding.

#### **4. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI**

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) akan diadakan pada 2 April 2017 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Sempena dengan *MPSP Car Free Morning* kali ini Pejabat EXCO Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan akan menganjurkan Hari Kesihatan Sedunia 2017 dengan tema “Depression : Let’s Talk”. Antara pengisian program kesihatan ini adalah *90 Minute Zumba, 15 km Fun Ride* dan *5 km Health Walk*. Pendaftaran boleh dibuat melalui link seperti berikut : <https://event.howei.com/event/Penang-Sihat-ZWR-2017>. Yuran penyertaan bagi setiap kategori adalah RM30.00 dan pelbagai hadiah cabutan bertuah menanti para peserta.

## **5. I LOVE PENANG RUN - SEBERANG PERAI**

Dimaklumkan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai akan menganjurkan program / *Love Penang Run - Seberang Perai* pada 9 April 2017 (Ahad) bermula jam 7.30 pagi bermula di Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Bagan Luar Butterworth. Program ini dikelola oleh Active Style dan pendaftaran boleh dibuat melalui link seperti berikut : <http://www.actifestyle.com/events/I Love Penang Seberang>. Yuran pendaftaran adalah RM 15.00 untuk setiap peserta. Larian ini melibatkan jarak sepanjang 6km.

## **6. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 2 April 2017 (Ahad) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan akan diadakan pada 16 April 2017 (Ahad) dan Senamrobik

di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 23 April 2017 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**